Asas-asas penolakan secara umum bagi kes-kes laporan EIA yang ditolak adalah seperti berikut:

- Laporan EIA yang dikemukakan masih belum memenuhi keperluan peruntukan di bawah Seksyen 34A (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

- Laporan EIA yang dikemukakan masih belum memenuhi keperluan peruntukan di bawah Seksyen 34A (4) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

## PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN POST-EIA

Penguatkuasaan dan pemantauan post-EIA adalah program tahunan merujuk kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang telah diluluskan. Berikut adalah bilangan punca keseluruhan dan pencapaian penguatkuasaan serta pemantauan post-EIA bagi tahun 2021:




*Rajah 3.2: Jumlah Keseluruhan Projek EIA Tahun 2021*




*Rajah 3.3: Jumlah Pencapaian Siasatan Tahun 2021 (Penguatkuasaan EIA)*

## Pengawasan Kualiti Air Tanah

Selain menjalankan penguatkuasaan syarat-syarat kelulusan laporan EIA, unit penguatkuasaan post-EIA juga ditugaskan menjalankan pengawasan kualiri air tanah. Berikut adalah bilangan percontohan dan frekuensi bagi pengawasan kualiti air tanah tahun 2021:




*Rajah 3.4: Laporan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2021*





## INPUT PEMBANGUNAN

Dalam usaha melestarikan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga berperanan memberi input berhubung pengurusan alam sekitar dan keperluan kawalan pencemaran terhadap cadangan projek pembangunan dalam kawasan Negeri Sembilan. Input pembangunan ini adalah penting bagi melihat kesesuaian cadangan pembangunan yang dikemukakan bagi mengatasi masalah kacau ganggu dan pencemaran kepada penduduk serta alam sekitar sekiranya cadangan pembangunan tersebut dilaksanakan.

Permohonan cadangan projek tersebut dikemukakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, pihak industri dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta. Permohonan yang diterima dan diproses oleh Jabatan Alam Sekitar adalah permohonan Kebenaran Merancang dan Lesen Perniagaan. Berikut adalah pencapaian Unit Input Pembangunan Tahun 2021:

PENCAPAIAN UNIT INPUT PEMBANGUNAN
BAGI TAHUN 2021

| JENIS | SASARAN 2021 | JUMLAH | % | SASARAN 2022 |
|---|---|---|---|---|
| KM (OSC) (422)/ PAT (50) | 400 | 472 | 118 | 500 |
| LESEN PERNIAGAAN | 400 | 291 | 72.75 | 300 |
| LAWATAN | 36 | 40 | 105.6 | 40 |
| MESYUARAT | 96 | 83 | 86.9 | 80 |
| PRA-RUNDINGAN | 40 | 38 | 95 | 40 |

*Rajah 3.5: Pencapaian unit Input Pembangunan Bagi Tahun 2021*

Garispanduan Environmental Essentials for Sitting of Industries in Malaysia (EESIM) 2017 bagi menggantikan Guidelines Sitting and Zoning of Industries and Residential Areas (SZIRA) 2012 digunapakai oleh JAS Negeri Sembilan bagi memproses permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Lesen Perniagaan (LP) yang dikemukakan.
Setiap jenis aktiviti pembangunan industri yang dicadangkan akan diteliti dan dikaji bagi mengenal pasti impak-impak alam sekitar melalui keperluan teknologi, alat kawalan pencemaran dan pengurusan buangan terjadual yang berkesan seterusnya memastikan kesesuaian tapak cadangan pembangunan mematuhi garispanduan EESIM 2017 dan juga SZIRA 2012.
Pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan PLAN Malaysia akan merujuk garispanduan EESIM 2017 dan SZIRA 2012 dalam merancang dan menentukan kawasan pembangunan industri dan penempatan industri yang dicadangkan.

## KEBENARAN BERTULIS DAN NOTIFIKASI

### ➤ Kebenaran Bertulis Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (AKAS 1974)

Setiap kenderaan, kapal atau premis sebagai Pembawa atau Premis Yang Ditetapkan (PYDT) sebelum ia boleh dilesenkan di bawah Seksyen 18, AKAS, 1974 dikehendaki mendapat Kebenaran Bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling terlebih dahulu. Kegagalan mendapat kebenaran bertulis boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang menetapkan larangan terhadap menyebabkan kenderaan, kapal atau premis menjadi pembawa yang ditetapkan atau premis yang ditetapkan.

Premis PYDT yang dilesenkan untuk menjalankan aktiviti pemerolehan kembali, pengangkutan dan pengurusan semua buangan terjadual hendaklah mematuhi Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Sepanjang tahun 2021, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak dua puluh sembilan (29) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, AKAS 1974.

**PERMOHONAN PINDAAN DI BAWAH SEKSYEN 19, AKAS 1974:**

| | |
|---|---|
| PYDT (KKS) | 13 |
| PYDT (KG) | 7 |
| PYDT (BT) | 9 |
| JUMLAH | 29 |

*Rajah 3.6: Permohonan Pindaan Di Bawah Seksyen 19, Akas 1974*

**Pemberitahuan Bertulis (Notifikasi) Di Bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 Dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014**

Premis-premis yang ingin menjalankan kerja-kerja pemasangan baru Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian (SPEP) dan Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU) juga menaiktaraf SPEP dan SKPU sedia ada perlu mengemukakan permohonan Pemberitahuan Bertulis di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluen Perindustrian) 2009 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 bagi memastikan pematuhan sepenuhnya peraturan berkaitan.

**Permohonan notifikasi yang diterima pada tahun 2021:**

Alat Pembakaran Bahan Api (APB): 58
Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU): 92
Sistem Kawalan Pencemaran Efluen (SKPE): 33
Loji Kumbahan: 8
Sistem Pengolahan Larut Resapan: 0
JUMLAH PERMOHONAN: 191

*Rajah 3.7: Permohonan Notifikasi Yang Di Terima pada Tahun 2021*

*30 Ceramah, Taklimat dan Pameran Alam Sekitar*
*33 Sambutan Hari Bumi*
*34 Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia*
*35 Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia*
*36 Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)*
*37 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara*
*38 Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-waste)*
*40 Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan (DSK)*

Pendidikan dan kesedaran alam sekitar merupakan antara elemen yang sangat penting kerana ia menjadi tunjang bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan dapat dilaksanakan. Dengan adanya pendidikan dan kesedaran alam sekitar tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar kepada setiap lapisan masyarat secara menyeluruh, maka Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) akan dapat mencapai tujuannya.

Melalui program dan aktiviti kesedaran yang telah dilaksanakan, masyarakat telah didedahkan tentang usaha kerajaan bagi memastikan alam sekitar yang bersih, selamat, produktif dan sumber semulajadi dapat diwarisi kepada generasi pada masa hadapan. Selain itu, dengan adanya program kesedaran alam sekitar secara berterusan, masyarakat dapat dibentuk bagi membudayakan cara hidup serta penggunaan sumber serta pengeluaran yang lestari.

Selaras dengan tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”, diharapkan maklumat mengenai kesedaran alam sekitar akan sampai kepada setiap golongan sasar dan dapat disebarluaskan dalam kalangan masyarakat. Pelbagai bentuk hebahan telah dibuat melalui media massa, elektronik dan bercetak.Hebahan melalui media sosial diperluaskan bagi memastikan hasrat dalam aspek penjagaan dan pengurusan alam sekitar secara holistik dapat dicapai.

Diharapkan setiap individu sedar tentang sumbangan dan peranan yang boleh diberikan dalam usaha mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar melalui pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan dalam usaha memastikan pendedahan dan kesedaran secara berterusan kepada orang awam, pelajar, agensi kerajaan dan pihak swasta.

## CERAMAH, TAKLIMAT DAN PAMERAN ALAM SEKITAR

Berikut adalah senarai program ceramah yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sembilan sepanjang tahun 2021:

| BIL. | SENARAI CERAMAH ALAM SEKITAR | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Webinar Pandu Puteri | 4 Jan 2021 | Google Meet | 50 |
| 2 | Webinar Hari Alam Sekitar USIM | 19 Jan 2021 | Zoom Meeting | 157 |
| 3 | Webinar KITARecycle | 4 Mac 2021 | Google Meet | 57 |
| 4 | Ceramah E-Waste | 22 Mac 2021 | Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Sembilan | 60 |
| 5 | Ceramah Pencemaran Air | 22 Mac 2021 | Sg. Kongkoi, Jelebu | 30 |
| 6 | Webinar Alam Sekitar: Restore Our Earth - Teknologi dan Bumi | 30 Mac 2021 | Zoom Meeting | 833 |
| 7 | Webinar Alam Sekitar: Restore Our Earth - Isu Kemusnahan Bumi | 5 April 2021 | Facebook, Youtube | 938 |
| 8 | Webinar Alam Sekitar: Pemulihan Ekosistem | 23 Jun 2021 | Facebook, Youtube | 16,242 |
| 9 | Ceramah MPKK Kg Sri Repah | 9 Ogos 2021 | Google Meet | 30 |
| 10 | Ceramah Keselamatan Jalan Raya | 12 Ogos 2021 | Google Meet | 30 |
| 11 | Ceramah Penghutanan Semula | 13 Ogos 2021 | Zoom Meeting | 20 |
| 12 | Ceramah E-Waste Bandar Enstek | 14 Ogos 2021 | Google Meet | 30 |
| 13 | Webinar Malaysia Prihatin: Semarak Kecintaan Alam Sekitar | 26 Ogos 2021 | Zoom Meeting | 100 |
| 14 | Webinar Ozon | 11 September 2021 | Facebook, Youtube | 3800 |
| 15 | Ceramah E-Waste Taman Alamanda, Senawang | 8 Oktober 2021 | Google Meet | 20 |
| 16 | Forum Santai MPKK Negeri Sembilan | 9 Oktober 2021 | Zoom Meeting | 100 |
| 17 | Ceramah E-Waste Laman Embun, Bandar Enstek | 10 Oktober 2021 | Google Meet | 20 |
| 18 | Program Cintai Alam Sekitar Kg Repah | 23 Oktober 2021 | Kg. Seri Repah | 30 |
| 19 | Webinar Competent Environmental Administrator | 29 Oktober 2021 | Microsoft Team | 150 |
| 20 | Ceramah Pengurusan Ewaste Deftech | 22 Disember 2021 | Microsoft Team | 80 |

*Jadual 4.1: Program Ceramah Alam Sekitar Tahun 2021*

Berikut adalah senarai program taklimat yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sembilan:

| BIL. | AKTIVITI / PROGRAM SEMINAR/ BENGKEL/ TAKLIMAT | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Taklimat kepada Pelajar Praktikal Kementerian Kesihatan Malaysia | 7 Jan 2021 | Pejabat JASNS | 4 |
| 2 | Taklimat HASN | 7 Jan 2021 | Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan | 3 |
| 3 | Taklimat Perancangan Program Kesedaran Alam Sekitar Tahun 2021 bagi penglibatan sekolah di Negeri Sembilan | 11 Jan 2021 | Pejabat Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan | 10 |
| 4 | Taklimat eSWIS kepada Jabatan Penerangan | 11 Jan 2021 | Jabatan Penerangan Negeri Sembilan | 55 |
| 5 | Penerangan eWaste | 25 Jan 2021 | FAMA | 55 |
| 6 | Penerangan Kempen Ewaste | 8 Feb 2021 | PDT Kuala Pilah | 50 |
| 7 | Penerangan Kempen Ewaste | 11 Feb 2021 | Jabatan Kerja Raya (Elektrik) Negeri Sembilan | 10 |
| 8 | Taklimat eSWIS | 18 Feb 2021 | FAMA | 55 |
| 9 | Taklimat eSWIS kepada JKR (Elektrik) Negeri Sembilan | 24 Mac 2021 | Jabatan Kerja Raya (Elektrik) Negeri Sembilan | 45 |
| 10 | Taklimat E-Waste kepada Sime Darby Plantation | 12 April 2021 | Kilang Kelapa Sawit Sua Betong | 50 |
| 11 | Bengkel SLAAS | 14 Ogos 2021 | Zoom Meeting | 70 |
| 12 | Taklimat Alam Sekitar | 16 Okt 2021 | Kg. Kuala Sawah | 40 |
| 13 | Taklimat Cintai Alam Sekitar | 23 Okt 2021 | Kg. Seri Repah | 20 |

*Jadual 4.2: Program Taklimat Alam Sekitar Tahun 2021*

Berikut adalah senarai program pameran yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sembilan:

| BIL. | SENARAI PAMERAN ALAM SEKITAR | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Program Pengumpulan Ewaste | 11 Januari 2021 | Jab Penerangan NS | 20 |
| 2 | Program SLAAS Ewaste | 6 Februari 2021 | SHAMS | 20 |
| 3 | Program Komuniti Murugesu Garden dan Ampangan Hill (MGAH) | 27 Mac 2021 | Murugesu Garden | 20 |
| 4 | Kempen Pengumpulan E-Waste Agensi Kerajaan | 29 Mac 2021 | Wisma Persekutuan | 10 |
| 5 | Program Komuniti Murugesu Garden dan Ampangan Hill (MGAH) | 24 April 2021 | Murugesu Garden | 20 |
| 6 | Pameran Alam Maya JAS Negeri Sembilan | 28 Jun 2021 | Facebook JAS | 550 |
| 7 | Pameran Alam Maya JAS Negeri Sembilan | 19 September 2021 | Facebook JAS | 1000 |
| 8 | Pameran Pengumpulan E-Waste Komuniti | 2 Oktober 2021 | Laman Embun Bdr. Enstek | 20 |
| 9 | Pameran Pengumpulan E-Waste Komuniti | 10 Oktober 2021 | Taman Alamanda | 30 |
| 10 | Pameran Program Gotong-royong DSK | 16 Oktober 2021 | Kg. Kuala Sawah | 70 |
| 11 | Pameran Program Gotong-royong DSK | 23 Oktober 2021 | Kg. Seri Repah | 30 |

*Jadual 4.3: Program Pameran Alam Sekitar Tahun 2021*

## SAMBUTAN HARI BUMI

Hari Bumi merupakan program tahunan yang disambut di seluruh dunia pada setiap 22 April. Pada tahun 2021, JAS Negeri Sembilan telah mengadakan tujuh (7) aktiviti bersempena Sambutan Hari Bumi Tahun 2021. Butiran senarai aktiviti yang telah diadakan adalah seperti berikut:

| BIL. | AKTIVITI SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN HARI BUMI | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kuiz Alam Sekitar | 15 – 23.3.2021 | Google Form | 11,185 |
| 2 | Kempen Tanam Pokok | 15 Mac - 9 April 2021 | Premis masing-masing | 9 premis |
| 3 | Enviro Cycling | 21 Mac 2021 | Kuala Pilah dan Nilai | 60 |
| 4 | Webinar Alam Sekitar: Restore Our Earth - Teknologi dan Bumi | 30 Mac 2021 | Zoom meeting dan FB Live | 138 - Zoom meeting, 695 - FB Live |
| 5 | Majlis Perasmian Hari Bumi | 1 April 2021 | Kampung Batang Benar, Nilai | 130 |
| 6 | Webinar Alam Sekitar: Restore Our Earth - Isu Kemusnahan Bumi | 5 April 2021 | Youtube Channel dan Facebook ULDP IPGKPT | 938 |
| 7 | Wawancara Radio | 20 April 2021 | Radio Negeri FM | 500 |

*Jadual 4.4: Program Sambutan Hari Bumi Tahun 2021*







## SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Pada 5 Jun setiap tahun, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia diadakan di seluruh negara yang menandatangani UNEP bagi menggalakkan kesedaran dan tindakan dalam memastikan alam sekitar terus terpelihara. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021 diadakan secara sederhana dengan memfokuskan aktiviti dalam talian kerana pandemic Covid-19 sedang menular ketika itu. Berikut adalah butiran aktiviti sempena sambutan tersebut:

| BIL. | AKTIVITI SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Hebahan sambutan WED melalui Radio | 3 Jun 2021 | Radio Negeri FM | 500 |
| 2 | Ucapan Aluan Pengarah JASNS | 5 Jun 2021 | Facebook JAS | 1,069 |
| 3 | Ucapan Perasmian YB Exco Alam Sekitar | 5 Jun 2021 | Facebook JAS | 1,238 |
| 4 | Kempen Pengumpulan E-Waste | 5 Jun 2021 | Sekolah-sekolah di Negeri Sembilan | 130 |
| 5 | Webinar Alam Sekitar | 23 Jun 2021 | Facebook, Youtube | 16,242 |
| 6 | Kempen Tanam Pokok | 1 – 30 Jun 2021 | Kediaman masing-masing | 60 |

*Jadual 4.5: Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2021*



## SAMBUTAN HARI PERLINDUNGAN LAPISAN OZON SEDUNIA

Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia (International Day for the Preservation of the Ozone Layer) disambut pada September pada setiap tahun di seluruh dunia bagi memperingati Protokol Montreal yang telah ditandatangani pada tahun 1987. Berikut senarai aktiviti yang dilaksanakan sempena hari sambutan tersebut:

| BIL. | AKTIVITI SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN HARI OZON | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Webinar Hari Ozon | 11 Sept 2021 | Youtube YPASM | 3,700 |
| 2 | Kumpul Ewaste | 10 Sept 2021<br>11 Sept 2021 | Penjara Seremban<br>SHAMS | 100 |
| 3 | Pertandingan Solar Oven Challenge (STEM) | Mac - Nov 2021 | Atas talian | 1,000 |
| 4 | Pertandingan Eco-Friendly Tote Bag (STEM) | Mac - Nov 2021 | Atas talian | 1,000 |
| 5 | Pertandingan Infografik (STEM) | Mac - Nov 2021 | Atas talian | 1,000 |
| 6 | Bridge Building Competition (STEM) | Mac - Nov 2021 | Atas talian | 1,000 |
| 7 | Pertandingan Inovasi (STEM) Sek Rendah | Mac - Nov 2021 | Atas talian | 2,000 |
| 8 | Pertandingan Inovasi (STEM) Sek Menengah | Mac - Nov 2021 | Atas talian | 5,800 |
| 9 | Ucapan Perasmian | 16 Sept 2021 | FB | 2,800 |

*Jadual 4.6: Program Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia Tahun 2021*



## SEKOLAH LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

SLAAS merupakan satu usaha Jabatan Alam Sekitar secara berterusan bagi membentuk persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang merangkumi aspek pengurusan, kurikulum, ko-kurikulum penghijauan dan elemen khas. SLAAS amat menitikberatkan komitmen dan kerjasama yang bukan sahaja melibatkan semua warga sekolah, bahkan komuniti setempat serta rakan-rakan kerjasama yang turut sama membantu di dalam melestarikan alam sekitar di dalam kawasan sekolah dan persekitarannya.

Pada tahun 2021, JAS Negeri Sembilan telah mengadakan program promosi bagi penyertaan SLAAS pada 14 Ogos 2021 secara atas talian. Seramai lapan puluh (80) penyertaan dari kalangan guru-guru sekolah telah menyertai webinar tersebut.








## SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dianjurkan bermula tahun 2016 yang mana ia dijenamakan semula dari sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM). Hari sambutan ini merupakan salah satu elemen pembaharuan dalam sambutan berkaitan bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar dan dijadikan agenda nasional dengan penglibatan secara menyeluruh agensi kerajaan, swasta serta pihak-pihak berkepentingan melalui kerjasama pintar dan strategik serta Rakan MoU Jabatan Alam Sekitar di seluruh negara. Berikut senarai aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021:

| BIL. | AKTIVITI SEMPENA PROGRAM SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kuiz Alam Sekitar | 17 Sept 2021 | Google Form | 14888 |
| 2 | Kumpul E-waste | 2 Okt 2021<br>10 Okt 2021 | Bdr Enstek<br>Tmn Alamanda | 20<br>35 |
| 3 | Pantun | 7 Okt 2021 | Google Form | 90 |
| 4 | Forum Santai | 9 Okt 2021 | Zoom Meeting | 100 |
| 5 | Majlis Perasmian Maya | 24 Okt 2021 | FB Live | 3900 |
| 6 | Program Cintai Alam Sekitar | 23 Okt 2021 | Kg. Seri Repah | 30 |
| 7 | Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan | 16 Okt 2021<br>23 Okt 2021 | Kg. Kuala Sawah | 70 |
| 8 | Webinar Kompetensi | 29 Okt 2021 | Microsoft Teams | 150 |

*Jadual 4.7: Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Tahun 2021*












## PROGRAM PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)

Kempen dan program ini dilaksanakan bermula dengan Insiatif Belanjawan Tahun 2020 Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Kebangsaan. Kempen dan program yang akan dilaksanakan pada tahun 2022 ini adalah kesinambungan inisiatif pihak KASA dan Jabatan Alam Sekitar khusunya yang melibatkan penyertaan orang awam iaitu dalam kalangan pelajar sekolah, rakan industri dan komuniti melalui libat urus Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Kempen dan program pengumpulan yang dijalankan ini atas dasar untuk memberikan pendedahan kepada semua kumpulan sasaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar, khususnya pengurusan buangan peralatan elektrik dan elektronik dari isi rumah selaras dengan program *Household E-Waste* yang dilancarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Kempen ini melibatkan kerjasama strategik antara Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dengan rakan strategik sebagai pengangkut dan pusat pengumpulan buangan peralatan elektrik dan elektronik tersebut.

Berikut adalah senarai program pengumpulan buangan e-waste yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sembilan pada tahun 2021:

| BIL. | TARIKH | TEMPAT | KUANTITI (KG) |
|---|---|---|---|
| 1 | 11 Jan 2021 | Jabatan Penerangan Negeri Sembilan | 250 |
| 2 | 30 Jan 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 50 |
| 3 | 6 Feb 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said | 70 |
| 4 | 24 Feb 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 30 |
| 5 | 15 Mac 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said | 1,550 |
| 6 | 23 Mac 2021 | Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah | 2,000 |
| 7 | 24 Mac 2021 | Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (Elektrik) | 80 |
| 8 | 25 Mac 2021 | FAMA Negeri Sembilan | 1,060 |
| 9 | 27 Mac 2021 | Murugesu Garden dan Ampangan Hill | 7 |
| 10 | 29 Mac 2021 | Bangunan Wisma Persekutuan | 5 |
| 11 | 29 Mac 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 23 |
| 12 | 1 April 2021 | Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu | 50 |
| 13 | 1 April 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Panjang | 371 |
| 14 | 9 April 2021 | Sekolah Kebangsaan Intan Perdana | 194.86 |
| 15 | 9 April 2021 | Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hua, Port Dickson | 149.6 |
| 16 | 12 April 2021 | Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (Elektrik) | 3,320 |
| 17 | 14 April 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 70 |
| 18 | 21 April 2021 | Jabatan Perpaduan Daerah Tampin | 115 |
| 19 | 22 April 2021 | Jabatan Perpaduan Daerah Seremban | 37 |
| 20 | 23 April 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 46 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 21 | 24 April 2021 | Murugesu Garden dan Ampangan Hill | 70 |
| 22 | 27 April 2021 | PCA Group Sdn. Bhd. | 1,174.5 |
| 23 | 27 April 2021 | SK Pendidikan Khas, Seremban | 172 |
| 24 | 6 Mei 2021 | Kilang Kelapa Sawit Sua Betong | 1,520 |
| 25 | 21 Mei 2021 | Sekolah Kebangsaan Sunggala | 850 |
| 26 | 25 Mei 2021 | Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hua, Port Dickson | 537 |
| 27 | 25 Mei 2021 | Sekolah Kebangsaan Intan Perdana | 297 |
| 28 | 25 Mei 2021 | Sekolah Kebangsaan Pilin | 361.5 |
| 29 | 28 Mei 2021 | Sekolah Kebangsaan Jimah Baru | 55.35 |
| 30 | 26 Jun 2021 | Murugesu Garden dan Ampangan Hill | 20 |
| 31 | 30 Julai 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 45 |
| 32 | 31 Julai 2021 | Murugesu Garden dan Ampangan Hill | 30 |
| 33 | 20 Ogos 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 56 |
| 34 | 28 Ogos 2021 | Ampangan Hills & Taman Murugesu | 59 |
| 35 | 4 Sept 2021 | Taman Cenderawasih | 2409.2 |
| 36 | 10 Sept 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said | 475 |
| 37 | 10 Sept 2021 | Jabatan Penjara Negeri Sembilan (Jelebu) | 172 |
| 38 | 10 Sept 2021 | Jabatan Penjara Negeri Sembilan (Seremban) | 72 |
| 39 | 11 Sept 2021 | Kolej Vokasional Rembau | 558 |
| 40 | 24 Sept 2021 | Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan | 91 |
| 41 | 2 Okt 2021 | Laman Embun | 54 |
| 42 | 10 Okt 2021 | Taman Alamanda | 549 |
| 43 | 13 Okt 2021 | Kilang Kelapa Sawit Sua Betong | 1460 |
| 44 | 13 Okt 2021 | Hengyuan Refining Company Berhad | 873.5 |
| 45 | 13 Okt 2021 | Safran Landing Systems Malaysia Sdn. Bhd. | 321 |
| 46 | 14 Okt 2021 | KJM Aluminium Can Sdn. Bhd. | 2,520 |
| 47 | 14 Okt 2021 | Toto Malaysia Sdn. Bhd. | 270 |
| 48 | 14 Okt 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Ampuan Najihah | 1,667 |
| 49 | 14 Okt 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Klana Putra, Lenggeng | 1,056 |
| 50 | 15 Okt 2021 | Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hua, Port Dickson | 2,102 |
| 51 | 15 Okt 2021 | Sekolah Kebangsaan Jimah Baru | 173 |
| 52 | 21 Okt 2021 | Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hua, Port Dickson | 185 |
| 53 | 21 Okt 2021 | Sekolah Kebangsaan Sunggala | 106 |
| 54 | 21 Okt 2021 | Indah Water Konsortium Negeri Sembilan | 577 |
| 55 | 21 Okt 2021 | Sekolah Kebangsaan Tengkek | 542 |
| 56 | 21 Okt 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said | 240 |
| 57 | 21 Okt 2021 | Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Ampuan Najihah | 248.5 |
| | | **JUMLAH KUANTITI (KG)** | **31,447.01** |

*Jadual 4.8: Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Tahun 2021*

## PROGRAM GOTONG-ROYONG DENAI SUNGAI KEBANGSAAN (DSK)

Program denai sungai di Negeri Sembilan adalah selaras dengan usaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang telah menyasarkan untuk membina 10,000 kilometer denai di tepi sungai sebagai kawasan rekreasi dan taman awam menjelang 2030. Program ini dapat mencegah masalah pencemaran sisa di sungai serta dapat mengelakkan aktiviti pembuangan haram ke dalam sungai.

Di bawah program Denai Kebangsaan, KASA melalui Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan swasta akan mengenal pasti kawasan-kawasan rizab sungai untuk dibangunkan sebagai kawasan rekreasi melalui pembinaan denai dan aktiviti pengindahan sungai. Program ini adalah berbentuk 'community based' dan 'hands-on' bagi meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan sungai serta meningkatkan kelestarian alam sekitar.

Berikut adalah Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sembilan yang mana program ini adalah dengan kerjasama pelbagai agensi yang berkaitan:

| BIL. | NAMA PROGRAM DENAI / PROGRAM PENGAWASAN SUNGAI | TARIKH | TEMPAT | BILANGAN OUTREACH (ORANG) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan sempena Hari Air Sedunia Tahun 2021 dengan kerjasama JPS Daerah Kuala Pilah | 27 Mac 2021 | Sg. Muar, Taman Cemerlang, Kuala Pilah | 140 |
| 2 | Sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021 anjuan JPS Negeri Sembilan dengan kerjasama JAS Negeri Sembilan - Pertandingan Mewarna Tabika KEMAS dan Program Pengawasan Air | 27 Mac 2021 | Pengkalan Kempas, Port Dickson | 200 |
| 3 | Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan sempena Hari Bumi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021 | 1 April 2021 | Sg. Batang Benar, Nilai | 130 |
| 4 | Program Gotong-royong Sempena Hari Sungai Sedunia | 25 Sept 2021 | Sg. Rembau | 100 |
| 5 | Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan sempena HASN Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021 | 16 Okt 2021 | Kg Kuala Sawah, Rantau | 70 |
| 6 | Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan sempena HASN Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2021 | 23 Okt 2021 | Kg. Sri Repah | 30 |

*Jadual 4.9: Program Gotong-royong Denai Sungai Kebangsaan (DSK) Tahun 2021*

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

**DITERBITKAN OLEH:**
**Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan**
Tingkat 5, Seremban City Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pihak penerbit. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan**
Tingkat 5, Seremban City Centre, Jalan Pasar
70200 Seremban
Negeri Sembilan

Tel: +606-764 9017
Faks: +606-764 9019